

27 APR 1998

RAMAI PEMIMPIN PERNIAGAAN DIJANGKA HADIR DI SIDANG PUNCAK PERNIAGAAN APEC

PETALING JAYA, 27 April (Bernama) -- Pemimpin perniagaan dari seluruh dunia dijangka menghadiri Sidang Puncak Perniagaan Apec yang akan berlangsung selama tiga hari bermula 14 Nov sempena mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang akan diadakan di Kuala Lumpur mulai 16 Nov ini.

Bercakap pada satu persidangan akhbar mengenai sidang puncak Apec yang akan datang ini, seorang wakil Majlis Ekonomi Lembang Pasisik, Rohana Tan Sri Mahmood, berkata salah satu daripada objektif sidang puncak ini (termasuk satu forum) ialah untuk bertukar-tukar fikiran, berkongsi pengalaman dan, yang paling penting, mewujudkan perikatan perniagaan dan strategi.

Kata Rohana peserta-peserta patut menggunakan sidang puncak ini untuk mengenal pasti perniagaan baru, peluang-peluang pelaburan dan pemindahan teknologi.

"Satu lagi objektif ialah untuk memupuk konsep perkongsian bijak di kalangan masyarakat perniagaan," tambah beliau.

Sidang Puncak Perniagaan Apec ini akan dianjurkan bersama oleh Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) Malaysia, Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Bill Clinton akan diundang untuk menyampaikan ucap-tama pada sidang puncak itu. -- BERNAMA

DVS KY os